



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**KEDUDUKAN SASTERA ISLAM DI KALANGAN ALIRAN
PEMIKIRAN SASTERA MODEN: SATU KAJIAN RINGKAS
TERHADAP PANDANGAN ISLAM PADA SETIAP ALIRAN
SASTERA**

*THE POSITION OF ISLAMIC LITERATURE IN THE MODERN LITERATURE
SCHOOLS OF THOUGHT: A SHORT STUDIES OF ISLAMIC'S VIEWS ON
MODERNS LITERATURE SCHOOL OF THOUGHTS*

Adli Yaacob¹

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iiu.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A. (2021). Kedudukan Sastera Islam Di Kalangan Aliran Aliran Pemikiran Sastera Moden: Satu Kajian Ringkas Terhadap Pandangan Islam Pada Setiap Aliran Sastera. *International Journal of Modern Education*, 3(11), 141-166.

DOI: 10.35631/IJMOE.311009

Abstrak:

Kajian ini berkaitan dengan kedudukan mazhab sastera Islam di kalangan mazhab-mazhab sastera moden. Kemungkinan penggunaan kalimah mazhab tidak berapa popular di kalangan kita kerana dalam proses pengkaryaan dan penulisan seni lebih kerap digunakan al-Itajah (kecenderungan) atau istilah lain selain mazhab. Ini kerana mazhab seringkali dikaitkan dengan bidang dalam aliran feqah atau tawhid. Namun begitu dalam tajuk ini mazhab memberi maksud 'pegangan atau aliran pemikiran yang dianuti' oleh satu-satu golongan sehingga melahirkan hasil seni yang mempamerkan 'itikad yang dipegangi. Setiap mazhab yang dipegangi mempunyai kaitan yang amat rapat dengan falsafah dan ideologi yang dianuti manusia. Disini penulis meringkaskan intisari dan intipati setiap mazhab yang mempengaruhi aliran pemikiran dalam proses pengkaryaan, kemudian membandingkan dengan mazhab sastera Islam supaya menjadi kayu ukur untuk dihalusi dan diteliti secara adil. Mungkin tajuk ini agak kurang popular di kalangan sesetengah sasterawan lantaran kewujudannya adalah seni kerana sesetengah sasterawan tidak mengiktiraf kewujudan mazhab dalam bidang kesusasteraan seperti Taha Husayn yang beranggapan bahawa iltizam seseorang sasterawan kepada mana mana aliran pemikiran akan mendatangkan kongkongan dalam proses pengkaryaan. Walau

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iiu.edu.my

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



bagaimanapun tidak dapat dinafikan pastinya setiap penulis mempunyai kecenderungan secara peribadi yang mempengaruhi proses pengkaryaan samada melalui pembacaan, sistem pendidikan, penglibatan dalam mana-mana gerakan politik dan kemasyarakatan atau mendokong fahaman dan ideologi tertentu. Disini, penulis akan mengupas secara ringkas tetapi menyeluruh pada setiap mazhab seterusnya menampilkan penyelesaiannya dari pandangan mazhab sastera Islam.

Kata Kunci:

Mazhab Sastera, Aliran Pemikiran, Realisme, Romantisme, Kapitalisme, Socialisme, Surealisme, Barnisme, Penyelesaian, Pandangan Agama, Positif, Negatif

Abstract:

This study describes the position of Islamic literature among modern literature school of thoughts. The possibility of using the word mazhab is not popular among us because in producing literary works more often used as al-Itajah (tendency) or other terms other than mazhab. It is because mazhab is always associated with the field of fiqh or tawhid. But, in this topic, it gives the meaning of thought as holding a specific belief or intellectual flow followed by one group that produces literary work representing its faith. Every movement that adamant to their belief has a very close relationship with human philosophy and ideology. The writer tries to explain the essence and content of each movement and school of thought that influences the flow of thought in the process of making literary work, then compares with the Islamic literature school of thought so that it becomes a measuring tool for examining artwork. Perhaps this study is somewhat less popular among some of the litterateurs as its existence is art and it is quite difficult to get involved in any artwork in which the author belongs to the same school of thought. Hence, some litterateurs do not recognize the existence of literature movement such as Taha Husayn who assumed that an author who is belonged to a certain school of thought would have been restricted in making literary works. However, it is undeniable that each author has a personal tendency that affects the process of work either through the reading, education system, involvement in any political or community movement or supports certain beliefs and ideologies. In this limited opportunity, the writer will discuss about the ideology and various school of thoughts briefly and holistically followed by solutions or viewpoints from Islamic literature school.

Keywords:

Literature Movements, School Of Thoughts, Realism, Romantism, Capitalism, Socialism, Surrealism, Barnism, Solutions, Religious View, Positive, Negative

Pendahuluan:

Antara isi kandungan kajian artikel ini ialah:

- 1) Mazhab Klasik
- 2) Mazab Romansi
- 3) Mazhab Realisme
- 4) Mazhab Seni untuk seni.(Lhethetique)

- 5) Mazhab Simbolisme (Perlambangan)
- 6) Mazhab Surealisme
- 7) Mazhab Barns
- 8) Mazhab Eksistensialisme
- 9) Peranan dan Kedudukan Sastera Islam: Satu Pandangan Kesimpulan.

Mazhab Klasik

Mazhab ini dinamakan klasik kerana ia mengikut manhaj golongan klasik (lama) dalam proses pengkaryaan. Asas yang paling utama ialah mengikut apa yang diperjuangkan oleh puak ini ialah mengikut apa yang dipelopori oleh golongan yang berpegang kepada fahaman lama. Ini kerana mengikut fahaman mereka asas kepada kegemilangan dan kecemerlangan sastera dan pemikiran berpaksikan kepada fahaman Socrates dan Plato.² Asas dan fahaman inilah yang telah dipegang oleh sebahagian sasterawan terkemuka di abad ke-15 di Eropah seperti Goethe di Jerman dan Celaridge di England, yang telah menuntun Eropah kepada kemajuan dan revolusi khususnya dalam bidang kesusasteraan. Jesteru itu, untuk maju dalam membina tamadun umat dan pemikiran manusia yang hebat mereka perlu kembali kepada corak pemikiran dan pegangan golongan yang lepas iaitu fahaman Yunani dan Greek. Hasil daripada pegangan pada fahaman ini, telah lahir dalam arus kebangkitan ini satu puak elit yang seakan-akan menyamai di zaman Yunani dan Greek. Seolah-olah wujud dua golongan manusia iaitu masyarakat bawahan dan golongan bangsawan.

Kewujudan dua golongan manusia ini telah mempengaruhi bidang sastera yang akhirnya tercerna dalam bentuk pemikiran dan penulisan seni kerana seperti yang dimaklumi kebudayaan, cara hidup, suasana dan persekitaran sangat mempengaruhi aliran pemikiran manusia yang kemudiannya dilhami dalam penulisan seni.

Fahaman klasik cukup menekankan soal akal. Mereka berpendapat bahawa untuk membina masyarakat yang benar-benar mantap dan bertamadun perlu kepada kekuatan fikiran yang berasaskan kepada undang-undang secara mutlak dengan menafikan unsur-unsur perasaan meskipun dalam bidang kesusasteraan. Arah pemikiran ini amat dipengaruhi oleh falsafah Kent yang berusaha untuk memperbaharui fahaman Plato yang berpegang kepada logik akal. Di samping itu, mungkin faktor lain yang menyumbang kepada penyebaran mazhab ini ialah kerana perpindahan para cendekiawan Kristian dari Asia tengah dan jajahan Turki ke Eropah apabila kejatuhan Konstantinopol (Byzantine) ke tangan Turki, perpindahan ini telah membawa fahaman klasik bersama-sama mereka dan akhirnya mempengaruhi arus perdana pemikiran masyarakat³.

Secara ringkas dapat disimpulkan fahaman ini berpaksikan kepada asas- asas berikut:

- 1) Ia menyeru kepada hukuman akal dan kewarasan hikmah justeru itu, ia menolak segala apa yang bertentangan dengan logik akal.
- 2) Hasil seni yang tidak disandarkan kepada logik akal adalah karut dan sesuatu yang tidak boleh diterima pakai.

² .p17. عبد الحميد بوزويينة، نظرية الأدب في ضوء الإسلام (الأدب والمذاهب الأدبية)، دار البشير: الأردن، 2017.

³ Ibid, p23.

3) Oleh yang demikian mereka menolak peranan dalam karya seni yang bertentangan dengan akal.

4) Sedikit sebanyak aliran dan pendekatan mazhab ini yang terlalu bergantung kepada logik akal telah menyekat para sasterawan dalam melahirkan hasil seni mereka. Ini kerana sastera lahir dari tanggapan seni dan pengamatan terhadap alam dan kehidupan yang mendalam, yang tidak boleh dipisahkan dari khayalan dan perasaan secara mutlak.

Kritikan dari Pandangan Islam

Pada awalnya, telah terdapat kesilapan dalam mazhab ini, yang mana ia telah meletakkan syarat kecemerlangan dalam proses pengkaryaan mengikut falsafah Yunani dan Greek. Ini kerana mengikut pandangan mereka, falsafah inilah yang menjadi asas kepada tamadun barat.

Sebenarnya ini satu perkara yang tidak wajar kerana kita tidak harus mengambil warisan lama secara sekali gus kerana di dalamnya terkandung unsur yang positif dan negatif. Islam tidak menghalang dari memanfaatkan warisan-warisan lama, tetapi tidak secara membabi buta. Andainya permanfaatannya sesuatu perkara dengan membabi buta, nescaya ia akan melahirkan generasi yang jumud, tidak mampu untuk melahirkan genre kesusasteraan yang baru. Andainya pemikiran klasik mendominasi pemikiran semasa akan menyekat arus perubahan dan kemajuan kerana ia terlalu mendokong warisan lama. Islam tidak pernah menghalang daripada memanfaatkan kebaikan yang wujud meskipun dari sumber yang bukan Islam asalkan ia tidak bercanggah dengan kebenaran. Sepertimana kata seorang pujangga Arab ;

العبرة ليست فيمن يقول ولكن فيما يقال

Maksudanya; Pengajaran Tidak Melihat Kepada Siapa Yang Berkata Tetapi Kepada Apa Yang Dikatakannya

Seterusnya golongan klasik hanya tertumpu di kalangan elit. Segalanya berkisar dalam kumpulan bangsawan dan aristokrat.. Karya-karya mereka menggambarkan kemewahan dan lambang kehidupan bangsawan. Ia melupakan golongan miskin dan pekerja bawahan, dalam syariatnya bahkan dalam karya-karya oleh sasterawan muslim tidak pernah membezakan golongan bawahan dan atasan. Ini kerana, Islam melihat manusia itu sama, bahkan ajarannya menyeru kearah kesamarataan antara manusia. Segala-galanya dinilai berdasarkan nilai ketakwaan. Sebagaimana firman Allah;

فلولا نفر من كل فرقة منهم طائفة ليتفقهوا في الدين ولينذروا قومهم إذا رجعوا إليهم لعلهم يحذرون

Sebab utama mazhab ini dikecam dan ditinggalkan ialah kerana terlalu menekankan kepada golongan bangsawan dan tidak mementingkan golongan lain. Oleh itu, ia dikecam oleh mazhab-mazhab lain. Hakikatnya, dalam bidang kesusasteraan, kita tidak boleh merujuk secara mutlak kepada mana-mana tamadun silam, ini kerana, apakah kita ingin menganuti fahaman syirik dalam tamadun Yunani atau mewarisi kezaliman dari tamadun Rom yang penuh dengan sejarah perhambaan dan penindasan.

Seperti juga sejarah Eropah pada zaman pertengahan yang mana penuh dengan penyelewengan dan kesesatan pihak gereja dari segi aqidahnya atau tamadun hari ini yang menyembah kebendaan sebagai tuhan. Sastera tidak harus menjadi alat untuk itu semua, sebaliknya sastera harus menanam benih-benih hikmah untuk menghapuskan semua itu dengan penuh bijaksana. Bukan menyemai noda-noda kesombongan dan keangkuhan dalam minda manusia.

Mazhab Romansi

Ia merupakan aliran pemikiran manusia yang menekankan perasaan, golongan ini berpendapat bahawa akal manusia secara mutlak tidak mampu untuk menyelidiki rahsia alam. Oleh itu, fahaman ini lahir sebagai tindak balas terhadap aliran klasik yang terlalu menekankan akal dalam proses pengkaryaan dan anutan aliran pemikiran mereka. Mengikut sejarah, ia lahir di akhir kurun ke-18, dan mazhabnya mula berkembang pada permulaan abad ke-19. Kelahiran mazhab ini boleh disimpulkan berdasarkan beberapa faktor⁴:

- I. Para sasterawan romansi berpendapat bahawa mazhab klasik tidak mengendahkan hal yang berkaitan dengan perasaan kerana mereka berpendapat ia bercanggah dengan pandangan akal yang berpegang dengan aspek logik. Oleh itu, golongan ini (romansi) ingin membebaskan manusia dari dokongan logik akal yang mencengkam kebebasan berfikir dan berkarya. Mereka berpendapat bahawa sasterawan yang hakiki ialah yang mampu membawa ungkapan yang bebas, benar dan tidak terikat kepada dokongan akal.
- II. Pertumpahan darah dalam Revolusi Perancis pada awal abad ke-18 telah mengguris perasaan insan seni, mereka merasa begitu terkesan dengan apa yang terjadi dalam masyarakat. Justeru itu, pengalaman perasaan seni ini tidak dibiarkan berlalu begitu sahaja sebaliknya dimanfaatkan dalam karya seni yang akhirnya yang menjadikan emosi sebagai asas dalam penulisan.

Berdasarkan kepada sebab ini maka antara ciri penting yang dimiliki oleh mazhab ini ialah:

- I. Meminggirkan segala kaedah yang berdasarkan hukuman akal kerana ia tiada kaitan dengan sastera. Akal mungkin boleh dikaitkan dengan falsafah dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah kemasyarakatan tetapi tidak dalam soal seni.
- II. Mazhab klasik menjadikan hubungan di antara alam dan manusia satu hubungan yang tidak ada persamaan kerana keduanya memiliki dua unsur yang berbeza. Tetapi sebaliknya mazhab romansi menjadikan alam ini sebahagian dari manusia dan seakan-akan boleh merasa dan merintih seperti manusia. Penyair menjadikan *dirinya* ini adalah alam yang didiami, ia bersuara dan *mantaabir* sesuatu sebagai ganti alam. Bagi golongan romansi segala apa yang terhampar di cekerawala ini mempunyai rahsia yang tersendiri dan adakalanya digambarkan dengan sesuatu yang di luar alam nyata dan adakalanya betul-betul menyanggahi kewarasan akal manusia

Kritikan dari Pandangan Islam

Mazhab ini tidak mampu untuk bangkit melawan arus keadaan sekeliling. Sebaliknya, ia berkisar atau tunduk kepada perasaan dan hawa nafsu semata-mata mempertuhankan perasaan akan membawa kemudaran sepertimana dengan golongan klasik yang mempertuhankan akal akhirnya mengundang kebinasaan dan penolakan mazhab tersebut. Tunduk kepada perasaan secara *obslute* (mutlak) akan menyemai bahkan membentuk perasaan Hayawaniah.

Mengikut pandangan romansi akal tidak boleh dikaitkan dengan seni kerana ilmu dan akal hanya boleh dikaitkan dalam bidang *akademik* dan falsafah. Ini bercanggah dengan mazhab Sastera Islam yang tidak memisahkan di antara karya-karya seni dengan ilmu dan falsafah yang mewakili maksud di sebaliknya. Apabila kita melihat kepada tema-tema dalam karya-karya

⁴ مجد محمد الباكر الرازي، في النقد الأدبي الحديث، مكتبة الرسالة الحديثة: الأردن، p189

romansi, didapati mereka sering melihat kehidupan dengan pandangan negatif yang penuh dengan tekanan dan putus asa. Perasaan begini akan menyemai sifat-sifat negatif dalam diri pembaca dan ia sudah semestinya akan mempengaruhi masyarakat.

Islam, dalam karya-karyanya tidak menyemai sifat-sifat yang negatif begini, sebaliknya diolah dalam bentuk seruan jihad, cinta yang luhur kepada Allah, Rasul dan orang-orang yang beriman, mendokong kebajikan dan mengeji kejahatan, menyeru ke arah pembaikan masyarakat dan seumpamanya. Inilah yang menjadi kunci kepada pembinaan tamadun Islam yang agung dan tinggi. Di samping prinsip syariat yang tegas dan benar. Karya-karya sastera Islam memupuk keperibadian manusia di sekelilingnya supaya bersifat positif dan pro-aktif terhadap semua perkara.

Mengikut Islam, manusia tidak dapat dipisahkan daripada jemaah atau masyarakat kerana individu adalah sebahagian daripada masyarakat. Manakala masyarakat tidak akan terbentuk tanpa individu. Apabila kita menelaah dan mendalami karya-karya sasterawan Islam, ia amat menekankan soal individu dan masyarakat tetapi dalam karya romansi kebanyakannya menekankan ruang lingkup individu dan perasaan yang lahir dari diri individu berkisar dalam lingkungan itu. Oleh kerana terlalu menekankan soal ini, ia membawa kepada pemujaan atau pengagungan terhadap perasaan serta jauh dari sebarang kesilapan. Perasaan begini andainya dipupuk, ia akan dipengaruhi syaitan dan akhirnya manusia akan ghairah dalam khayalan dan perasaan yang tidak ada batasan.

Di samping terlalu menekankan soal peranan Mazhab ini, ia juga menolak kaedah tafsir dan tahlil dalam dasar kritiknya kerana semuanya dibuat di atas dasar seni dan tanggapan perasaan. Ini sudah semestinya agak sukar untuk menilai perasaan secara mutlak. Oleh itu di samping tanggapan di sini bermaksud memainkan peranan penting dalam dunia kritikan.

Islam tidak menolak unsur perasaan dalam proses pengkaryaan, tetapi ia tidak harus membatasi kebenaran dan syariat Islam. Terdapat karya penulis dari kalangan sasterawan Islam yang menampilkan karya seni dengan tema pemikiran, politik, atau agama tetapi diselitkan dengan unsur romantis yang sopan, umpamanya, novel 'Tenggelamnya kapal Van Der Wijek' dan 'Di Bawah Lindungan Kaabah' oleh Pak Hamka, novel 'Maria' oleh Amine Uzqan Senlikoglu, seorang penulis wanita Turki. Beliau menampilkan novel ini dengan begitu menarik sekali yang mana penulis menampilkan unsur cinta dan gelojak perasaan di tengah-tengah kancas kebejatan politik dan pemikiran sekular Kamal Attarturk di Turki pada awal abad ke- 20.

Jelasnya unsur perasaan tidak harus dipinggirkan dari sastera, tapi ia harus disaluti kematangan dan hakikat semasa *mentaahirnya*. Khayalan perasaan yang mendalam amat dihargai dalam mazhab sastera Islam, tetapi ia bukanlah matlamat utama dalam proses pengkaryaan. Ini kerana apa yang penting ialah maksud yang tersirat bukanlah tersurat.

Mazhab Realisme

Mazhab ini lahir sebagai tindak balas dari mazhab romansi yang terlalau mementingkan emosi dalam proses pengkaryaan. Seperti yang dimaklumi bahawa golongan romansi berbicara tentang dalaman manusia dengan beranggapan bahawa hasil seni yang baik ialah yang berkisar tentang permasalahan dalaman yang melibatkan perasaan, gelojak jiwa dalam menggambarkan kesedihan, keghairahan, ketakutan, malu dan seumpamanya, dalam bentuk yang unik dan

menarik perhatian pembaca. Sebaliknya, golongan realisme beranggapan hal ini telah keluar dari kebenaran dan tujuan sastra. kerana sastra, adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam bentuk kolektif dengan menjauhkan diri dari perasaan *keakuan* kepada *kekitaan* dan gelojak yang berkisar dalam dalaman diri yang bersifat peribadi dan sempit kepada sesuatu yang menghembur keluar yang boleh dimanfaatkan bersama baik dari segi lontaran idea tentang permasalahan masyarakat atau penyelesaian dalam bentuk kiasan seni secara langsung atau tidak.

Oleh yang demikian, golongan realisme telah menyeru golongan romansi untuk kembali kepada realiti semasa dan hakikat kehidupan yang sebenar kerana mereka telah menyempitkan peranan sastra dalam lingkungan perasaan dalam menyatakan khayalan yang jauh dari hakikat kebenaran.

Setelah mengetahui serba sedikit tentang mazhab ini, sekarang kita ingin menyoroti serba sedikit sebab kemunculannya dan idea yang di bawanya:⁵

- 1) Apabila timbul masalah dan pertelingkahan dalam bidang politik dan sosial di Eropah dan Amerika membuatkan sasterawan memikirkan apa yang berlaku secara realistik dengan melupakan bintang-bintang dan bulan serta taabir-taabir indah yang jauh dari realiti semasa, sebaliknya bercakap tentang penyelesaian masalah, lontaran idea yang jauh dari khayalan kalau adapun tidak lari dari matlamat yang asal iaitu demi kepentingan masyarakat.
- 2) Falsafah memainkan peranan yang amat penting dalam mempengaruhi kehidupan manusia, di kala wujudnya mazhab ini timbul pula fahaman Sosialisme-Markisme yang menekankan pentingnya meninggalkan fahaman dan pegangan lama. Penghapusan sistem perbezaan dalam masyarakat antara golongan bangsawan dan pekerja seterusnya menyeru kepada penggubalan undang-undang baru yang adil kepada masyarakat. Oleh itu mazhab realisme amat dominan dalam fahaman komunis kerana ia selari dengan cita rasa mereka.
- 3) Disamping itu perkembangan dalam bidang kajian ilmu juga menyumbang kepada perkembangan mazhab ini. Ini kerana kajian ilmu yang berpaksikan kepada dalil dan bukti serta sifatnya yang realistik tidak bercanggah dengan fahaman realisme.
- 4) Golongan realisme juga telah mengambil peranan yang aktif dalam menyuburkan bidang kesusasteraan yang dialpakan oleh golongan romansi seperti penulisan novel dan pementasan teater. Mereka lebih cenderung untuk memajukan nilai kesenian ini kerana ia mampu membawa fahaman realisme dengan berkesan. Justeru itu, kita dapati pementasan teater dan penulisan novel amat popular di kalangan sasterawan yang menganut mazhab realisme. Hasil pengamatan yang mendalam terhadap seni teater dan penulisan novel membuatkan seni penulisan syair dipandang enteng dan semakin pudar.

Mazhab realisme tidak hanya berkembang di Eropah dan Amerika tetapi juga di blok komunis (Eropah Timur dan Rusia). Tetapi fahaman realisme yang timbul di Blok Komunis bertentangan dengan fahaman realisme barat. Fahaman ini dikenali sebagai realisme sosialisme.⁶ Fahaman ini beranggapan bahawa realisme barat cuba menyemai sifat individualistik secara tidak langsung. Sebagai natijahnya, timbulah perasaan curiga dan

⁵ عبد الحميد بوزويينة، المرجع السابق، p23

⁶ Ibid, p25.

kebencian dikalangan manusia. Ia juga tidak mampu menyelesaikan permasalahan manusia sebaliknya ingin meninggikan fahaman kapitalis barat.

Oleh yang demikian mereka menampilkan satu perubahan yang mendadak untuk mengatasi masalah yang dicetuskan oleh fahaman realisme barat seperti, mempopularkan kedudukan sasterawan sebagai penyelesaian masalah masyarakat kemudian mereka cuba menampilkan idea-idea untuk kebaikan masyarakat. Mereka juga cuba menyebarkan bahawa sistem perbezaan taraf hidup dalam masyarakat yang menyebabkan kepincangan dan perebutan kuasa, mesti dihapuskan. Mereka juga menegaskan untuk menghancurkan fahaman kapitalis, fahaman agama perlu dihapuskan kerana ia merupakan unsur utama kapitalis dalam menyemai fahaman mereka, mengikut Karl Marks, "*Agama adalah candu masyarakat*"

Fahaman ini bukan sahaja diikuti di Eropah Timur dan Rusia satu ketika dulu tetapi menular ke beberapa buah negara Arab dan dunia ketiga. Bahkan ia amat dominan di negara-negara Arab kerana ia digunakan sebagai wasilah untuk mengekalkan kuasa politik pemerintah disamping ia juga digunakan oleh pembangkang untuk menghentam pemerintah. Ia juga amat popular di kalangan para sasterawan yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap politik dan hal ehwal kemasyarakatan.

Kritikan dari Pandangan Islam

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, Mazhab realisme telah mendapatkan sambutan yang hangat dari kebanyakan pendukung sastera, samada di Eropah, Eropah Timur negara-negara Arab dan juga di kepulauan Nusantara. Sebagaimana yang diketahui, mazhab realisme terbahagi kepada dua bahagian:⁷

- 1) Realisme- Kapitalism yang muncul di Eropah Barat.
- 2) Realisme- Sosiolism yang muncul di blok komunis.

Mazhab ini mendapat tempat di dunia moden hari ini kerana ia agak relevan dengan situasi dan fahaman politik semasa. Bahkan segala-gala yang berkaitan dengan suasana semasa dikira sebagai sumber kesusasteraan bagi golongan ini. Kebanyakan genre kesusasteraan yang lahir dari golongan ini memaparkan fahaman dan ideologi mereka demi kepentingan pengaruh mereka.

Oleh itu, golongan realisme menolak gambaran perasaan tentang kesedihan, kesakitan dan ia cuba memisahkan sastera dari perhambaan kepada perasaan secara mutlak dan menentang sepenuhnya golongan Romansi. Pada pandangan mereka, andainya manusia memperhambakan diri kepada perasaan mereka akan lupa kepada tanggungjawab dan realiti. Justeru itu, pendokong realisme menekankan relevansi karya kesusasteraan dengan suasana semasa.

Apabila diamati persoalan ini memang ada benarnya, tetapi karya sastera yang lompong dari unsur perasaan akan menjadi janggal dan tawar. Ini kerana ia seolah-olah seperti tulisan akademik atau falsafah. Oleh itu, pengasingan bidang seni dari unsur perasaan akan membuatkan karya menjadi mendatar dan lama-kelamaan manusia tidak akan dapat membezakan sastera dan bukan sastera. Dalam Islam, sastera tidak harus dipisahkan dari unsur khayalan dan perasaan kerana ia sebahagian dari sastera. Pemisahan dua perkara ini bererti

⁷ Ibid, p29.

penafian terhadap sastra itu sendiri. Dalam karya-karya oleh sastrawan Islam unsur khayalan dan perasaan adakalanya amat dititik beratkan, umpamanya karya seni yang dihasilkan oleh Iqbal, sastrawan ulung dunia Islam. Beliau mendatangkan khayalan yang tinggi tetapi khayalan yang menggambarkan keagungan Allah (s.w.t). Keadaan ini dapat diselami dalam karya-karya Iqbal umpamanya: 1-Piyam Musyriq, 2- Zahr Ajam, 3- Jawid Namih, 4- Musafir Janah Jibril (Sayap Jibril), 5- Darab Kaliim, 6- Armaghan Hijaz, 7-Apa yang kita kerjakan wahai umat-umat Timur (Alih bahasa dari bahasa Parsi, 8-Asrari Khudi (Pembaharuan Fikiran Dalam Islam).⁸

Meskipun kesemua karya ini didatangkan dengan membawa maksud yang mendalam tentang kehidupan manusia namun ia tetap dihidangkan dengan khayalan dan unsur-unsur perasaan. Inilah sebenarnya keunggulan kesenian Islam.

Golongan realisme beranggapan bahawa sastrawan harus mendatangkan segala apa yang berlaku dalam bentuk hasil sastra. Segalanya harus dirakam seperti fotografi samaada ia positif atau negatif, buruk atau jahat. Ini kerana, mengikut golongan ini kejahatan dan kebaikan yang wujud dalam diri manusia adalah sama masing-masing mempunyai keaslian yang perlu dicungkil. Tidak dinafikan apabila kita melihat kebaikan dan keburukan dalam martabat yang sama maka manusia akan mudah terdorong untuk cenderung kepada kejahatan, meskipun secara semulajadinya manusia menyintai kebenaran, tetapi manusia akan mudah terdorong kepada hawa nafsu sepertimana yang ditegaskan oleh Iman al-Ghazali :

: أبغض الاله عبد في الأرض هو الهوى :

Maksudanya: Tuhan yang paling dibenci dan disembah di atas muka bumi ialah hawa-nafsu

Golongan realisme amat menekankan proses pengkaryaan dan kaitannya dengan semasa. Oleh itu, ia menekankan karya-karya yang dihasilkan mestilah ditulis dalam bahasa perbualan seharian (bahasa loghat daerah). Tidak dinafikan, bahasa perbualan harian apabila dirakam dalam bentuk hasil seni akan menjadi lebih relevan dengan suasana semasa, tetapi apabila perkara ini mempengaruhi pembaca dan warisan kesusasteraan satu-satu bangsa, ia akan melemahkan bahasa Surat kerana karya-karya kesusasteraan amat dominan dalam mempengaruhi pemikiran manusia. Apabila fenomena ini berleluasa, lama-kelamaan bahasa Surat yang mengikut tatabahasa dan kaedah yang betul akan ditinggalkan secara beransur-ansur. Masalah ini akan menjadi makin ketara andainya melibatkan *kesusasteraan* Arab. Ini kerana, apabila tabiat ini menjadi kelaziman sastrawan, ia akan menjauhkan masyarakat dari al-Qur'an. Inilah sebenarnya tujuannya iaitu untuk menjauhkan umat Islam dari kefahaman al-Qur'an yang sebenar.

Apabila manusia dibiasakan dengan sastra yang lompong dan rendah dari segi bahasanya, ia akan merendahkan mutu dan sifat yang membentuk sastra itu sendiri. Dalam *kesusasteraan* Arab, penafian terhadap bahasa sepertimana al-Qur'an diturunkan akan mendatangkan implikasi yang kronik. Ini disebabkan, hanya bahasa Arab yang fasih dapat menaggung makna dan maksud al-Qur'an samaada yang tersurat dan tersirat. Sesungguhnya, bahasa Arab yang fasih sahaja yang mampu mendatangkan dan menaggung retorika al-Qur'an yang tinggi. Ini

⁸ H.B. Jasin, 1972, *Polemik*, Pustaka Antara:Kuala-Lumpur, p191.

terbukti apabila al-Qur'an diterjemahkan ke-bahasa lain yang keseluruhan makna al-Qur'an tidak mampu untuk diterjemahkan.

Andainya kita mengamati fahaman realisme-sosialisme, fahaman ini bukan sahaja sebagai mazhab *kesusasteraan* tetapi merupakan fahaman falsafah kebendaan yang dipelopori oleh golongan Yahudi, Karl Marks. Sastera akan menjadi rosak fungsi dan perannya andainya dikaitkan dengan mana-mana ideologi pemikiran manusia. Ini kerana, sastera bukan lagi menjadi cetusan rasa yang bebas dan yang penuh dengan tanggapan kesenian tetapi sebaliknya menjadi hamba kepada ideologi politik atau falsafah tertentu. Islam tidak menghalang kesan luaran atau persekitaran terhadap karya sastera, tetapi biarlah kesan ini berlaku secara langsung tanpa sebarang tekanan atau paksaan. Sebenarnya, memperhambakan proses pengkaryaan kepada ideologi tertentu akan mengekang perkembangan kesusasteraan dan mengengkang jiwa sasterawan yang bebas.

Karya kesusasteraan tidak harus tunduk kepada sastera, meskipun sastera mendapat kesan dari keadaan sekeliling tetapi ia harus merubah kejahatan yang wujud dalam masyarakat dengan penuh hikmah bukan menerjemahkan segalanya sama ada positif atau negatif. Dengan kata lain, sastera perlu membenihkan unsur-unsur yang baik dengan penuh kreativiti bukan menceritakan segalanya dengan menafikan perasaan hikmah.

Fahaman sosialisme-realism juga menolak khayalan dalam kreativiti penulisan bagi melahirkan gambaran yang indah. Ia cuma mengharuskan khayal dalam lingkungan realiti kebendaan yang tidak dapat lari dari pandangan materialisme. Islam tidak mengagungkan khayal seperti mazhab romansi, tetapi penafian unsur khayalan akan menjadikan generasi kesusasteraan beku dan kaku tanpa tarikan khayalan yang dimaksudkan ialah penambahan dalam realiti manusia dalam lingkungan bentuk dan kecantikan yang tidak melampau. Islam membawa gambaran yang syumul bagi keseluruhan manusia tetapi sebaliknya realisme hanya menjurus kepada golongan tertentu sahaja.

Fahaman realisme sosialisme menentang agama dengan cukup dahsyat; ia menafikan konsep hidup semula alasannya, ia adalah dari fahaman Nasrani kuno.⁹ Mereka menyamai dalam pemikiran masyarakat bahawa kehidupan beragama adalah "candu bagi masyarakat". Apabila diamati secara mendalam fahaman realisme ini amat bercanggah dengan Islam, kerana sastera yang baik tidak akan menafikan peranan agama samawi tetapi sebaliknya didatangkan dan diolah dalam bentuk kesenian yang indah bagi mendapat keridaan Allah.

Didalam intisari sastera realisme-sosialisme juga terdapat unsur-unsur kebencian mewujudkan permusuhan dikalangan golongan bawahan dan atasan. Keadaan ini amat ditentang dalam Islam kerana Islam menyeru manusia ke arah persefahaman dan perpaduan. Bahkan inilah seruan yang terdapat dalam karya-karya dalam mazhab sastera Islam. Ia tidak melihat kepada konsep kesukuan atau kebangsaan tetapi umat secara keseluruhan.

Mazhab Seni Untuk Seni. (Lhethetique)

Mazhab ini lahir kerana tidak berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh golongan realisme. Pendokong mazhab seni untuk seni berpendapat bahawa pendokong realisme terlalu menekankan soal makna yang dibawa oleh satu-satu genre dengan melupakan soal kecantikan

⁹ الدكتور عبد الرحمن رأفت الباشا، نحو مذهب إسلامي في الأدب والنقد، دار الأدب الإسلامي: الأردن، p.19.

luaran justeru mazhab ini datang dengan menekankan kecantikan yang berbentuk luaran. Dalam bahasa Arab mazhab ini digelar *al-Jamaliah*, yang bererti kecantikan (mazhab yang menekankan kecantikan). Ia bermaksud, mazhab ini amat mementingkan soal luaran hingga menjadikan ia matlamat utama dalam menghasilkan karya seni.

Golongan seni untuk seni berpendapat bahawa golongan realisme telah diperkudakan oleh golongan yang berkepentingan dalam politik atau pendokong ideologi tertentu untuk menyebarkan idea-idea gerakannya. Oleh yang demikian, golongan seni untuk seni tampil untuk mengembalikan semula peranan seni sastera ke tempatnya yang hakiki.

Untuk mengetahui mazhab ini dengan lebih lanjut kita perlu menyingkap faktor kemunculannya dan sifat-sifatnya, antaranya:

- 1) Faktor utama yang mempengaruhi timbulnya mazhab ini ialah fahaman falsafah Kent, fahaman falsafah inilah yang paling kuat membawa fahaman seni hanya untuk seni dalam masyarakat.
- 2) Banyak daripada teori yang dibawa dalam ilmu kemasyarakatan terutamanya yang didokong oleh fahaman realisme telah gagal, berpaksikan kepada ini, para sasterawan telah beralih kepada pendekatan yang baru dalam seni.
- 3) Timbul satu perasaan ingin kepada perubahan dikalangan masyarakat di Eropah. Oleh yang demikian mazhab ini dilihat sebagai tindak balas masyarakat terhadap anging perubahan dari realisme kepada seni-untuk seni. Faktor lain yang mempengaruhi perubahan ini ialah keruntuhan sistem gereja dalam masyarakat barat, natijahnya telah timbul semangat yang meluap-luap dari golongan cendekiawan untuk melahirkan sesuatu yang baru termasuklah kebebasan dalam berkarya.

Apakah matlamat atau idea-idea yang diperjuangkan oleh mazhab ini.

- 1) Sastera dan seni perlu dipisahkan dari tujuan politik oleh pihak-pihak tertentu. Hanya dengan cara ini dapat mengembalikan nilai kesenian yang sebenar. Ini kerana apabila seseorang sasterawan tunduk kepada mana-mana idealogi dan fahaman politik ini bermakna ia sudah tidak bebas dalam berkarya.
- 2) Mazhab ini beranggapan andainya seseorang ingin melibatkan diri dalam bidang politik, agama atau kemasyarakatan maka tempatnya bukan dalam kesenian dan kebudayaan kerana ia terpisah jauh dari seni dan sastera.
- 3) Nilai keindahan (estetika) mengikut golongan ini terletak kepada keindahan luaran yang bersifat mutlak dan tidak kepada unsur makna disebaliknya.
- 4) Dalam menilai satu-satu karya peribadi dan nilai pemikiran seseorang sasterawan adalah tidak penting kerana mereka hanya menilai kepada seni yang dihasilkan tidak kepada penciptanya.
- 5) Pada pandangan golongan ini suasana persekitaran tidak berkaitan dengan seni kerana bidang ini sebahagian dari ilmu kemasyarakatan tidak dalam bidang seni dan sastera. Kesimpulannya, bahawa golongan ini tidak mementingkan peranan sasterawan dan persekitaran kerana ia merupakan faktor yang terpisah jauh dari bidang seni.
- 6) Mazhab ini menolak secara mutlak perasaan komited (iltizam) seseorang sasterawan kepada mana-mana fahaman politik, ini kerana tunduknya seseorang kepada mana-mana fahaman menyebabkan ia terikat dan akhirnya ia melahirkan karya yang tidak bermutu. Berdasarkan kepada ini, mazhab seni untuk seni menetapkan bahawa sasterawan yang sebenarnya ialah percaya kepada apa yang diperkatakan, bebas dari segala kongkongan dan berani melontar idea dalam keadaan mana sekalipun.

- 7) Berdasarkan kepada persoalan diatas dapat disimpulkan bahawa kemunculan mazhab seni untuk seni adalah untuk menentang arus yang dibawa oleh fahaman realisme yang menjadi tunggangan fahaman politik dan idealogi manusia.
- 8) Oleh kerana terlalu mementingkan nilai luaran dalam proses pengkaryaan dengan tidak mementingkan makna, maka syair syair nyanyian yang menghiburkan, seni muzik, dan lukisan berkembang dibawah mazhab ini sebaliknya seni teater, pidato, novel dan bidang penulisan tidak mendapat tempat dan akhirnya dilupakan.
- 9) Mazhab ini berkembang luas di Eropah dan negara barat tetapi ia tidak mendapat tempat di negara komunis mungkin kerana negara komunis telah sebatikan dengan fahaman realisme sosialisme.¹⁰

Kritikan dari Pandangan Islam

Sifat utama yang membentuk mazhab ini ialah “melampau” dalam menggambar dan mentaabitir sesuatu perkara. Islam secara prinsipnya tidak mengiktiraf cara begini kerana ia membentuk sifat tamak dan penting kepada diri sendiri sehingga membunuh jiwa dan perasaan seni. Seterusnya, mazhab ini cuba memisahkan sastera dari maksud atau pengertiannya yang membawa pengajaran dan kebenaran kepada manusia. Ini kerana ia amat mementingkan kecantikan luaran tanpa mengendahkan maksud dalaman yang tersirat. Sebagaimana lukisan “Monalisa” dinilai sehingga tidak ternilai. Ini sesuatu yang melampau kerana sekeping gambar orang di dalamnya terlukis gambar seorang wanita berbangsa Eropah diberi nilai yang amat tinggi, sehingga diiktiraf sebagai lukisan yang tidak ternilai harganya.

Tidak dapat dinafikan apabila satu-satu genre mementingkan soal keelokan nazm dan susunan ayat. Maka ia akan mengalpakan tema-tema penting dan intisari utama di dalam sebuah karya. Apabila kita melihat kepada genre-genre di dalam Warisan Kesusasteraan Melayu lama, kebanyakannya diolah dalam bahasa yang tidak menarik kepada masyarakat hari ini, namun ia menampilkan intisari sastera yang tinggi nilainya. Masyarakat dahulu mempunyai perasaan seni yang tinggi tetapi diolah dalam bahasa yang tidak dihargai oleh kita hari ini.

Oleh kerana menolak maksud yang tersirat dalam sesebuah karya, maka mazhab seni untuk seni menolak peranan akhlak dan unsur-unsur kebaikan di dalam memupuk adab dan kesantunan masyarakat, kerana bagi mazhab ini apa yang penting hanyalah kecantikan dari aspek luaran yang terkandung dalam rima, pantun dan seumpamanya serta santapan naluri semata-mata. Sastera hanyalah untuk hiburan dan tidak lebih dari itu.

Sasterawan dalam pengertian mazhab ini mestilah bebas dari ikatan akhlak. Ia perlu bebas *mentaabitir* dan perlu memisahkan diri dari batasan akhlak dan kesopanan masyarakat. Tujuan utama golongan ini ialah memperjuangkan kebebasan secara mutlak yang akan menghalang perkembangan manusia baik dari segi material atau spiritual. Fahaman ini tidak ubah seperti golongan Athies yang percaya kepada kewujudan jasad manusia tetapi menafikan nilai dan peranan roh di dalamnya. Justeru itu, menafikan peranan sasterawan yang unik bukanlah satu amalan kesenian yang benar dan tepat. Sasterawan harus diberi kebebasan berkarya dengan mementingkan unsur luaran atau dalaman selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip kebenaran.¹¹

¹⁰ الدكتور محمد مندور، في الأدب والنقد، نهضة مصر للطباعة والنشر والتوزيع: مصر، 33p

¹¹ المرجع نفسه، 43p

Bagi Islam, sasterawan yang baik ialah yang mampu melembutkan perasaan manusia dengan menggunakan sepenuh kebijaksanaan yang dimiliki. Ini kerana sasterawan seorang yang unik dan istimewa yang mampu membaca keadaan sekeliling, kemudian mengilhamkan dalam bahasa yang menarik dan tinggi mutunya untuk membentuk satu seni warisan yang agung dan tinggi bagi satu-satu bangsa.

Mazhab seni untuk seni menafikan kaitan diantara karya dan pengkarya. Ini disebabkan, tidak ada kaitan diantara sasterawan dan hasil seninya. Keperibadian, akhlak dan keadaan sekeliling tidak memainkan peranan yang penting bahkan tidak kaitan sama sekali dalam proses pengkaryaan. Hakikat ini berlawanan dengan hukum ilmu yang mana dalam proses pengkaryaan seseorang sasterawan tidak boleh memisahkan di antara karya dan perasaan sasterawan,¹² kerana satu-satu genre kesusasteraan lahir dari tanggapan seni dan perasaan yang bebas dan mempunyai kaitan yang rapat dengan keperibadian sasterawan. Andainya kita merujuk kepada ilmu saikologi seseorang sasterawan tidak dapat memisahkan dirinya dan karyanya dari saikologi sastera.

Sebenarnya pemisahan di antara sastera dan keperibadian sasterawan bertitik tolak kepada tanggapan mazhab seni untuk seni yang berpendapat bahawa kecantikan hanyalah dari sudut luaran sahaja, maksud, pemikiran dan perasaan tidak termasuk dalam pengertian seni. Ini sudah semestinya bercanggah dengan Islam, yang mana Islam tidak memisahkan di antara isi dan bentuk luaran bagi satu- satu karya, kerana apa yang penting ialah pengajaran yang boleh dimanfaatkan darinya.

Jelasnya mazhab ini, mengharuskan untuk menampilkan semua bentuk tindakan sama ada dalam bentuk kebaikan atau kejahatan. Bahkan ada kalanya ia mengharuskan untuk menampilkan sesuatu yang membatasi fitrah kemanusiaan. Di sini jelas bahawa mazhab ini tidak mampu untuk merubah masyarakat kerana tidak mempunyai pendirian yang jelas dalam memerangi unsur negatif dan meninggikan unsur positif atau kebaikan. Ini disebabkan kejahatan dan kebaikan pada kaca mata mazhab ini tidak ada bezanya kerana apa yang penting ialah keseronokan dalam berkarya dan menghayati karya. Prinsip dan asas kesusasteraan yang baik ialah yang menampilkan keserasian di antara faktor yang bersifat luaran dan maksud yang cuba diilhamkan oleh sasterawan. Ini kerana, dalam sesebuah karya syarat yang paling utama disamping prinsip akidah dan nilai akhlak ialah mesej yang mampu dibawa oleh genre tersebut. Mesej atau pengajaran ini mempunyai kaitan yang amat rapat antara genre, pengkarya dan keadaan sekelilingnya. Ia boleh disimpulkan kepada empat noktah penting :

- 1) Al- Tawwasul: Menghubungkan antara seni dan seniman.
- 2) Al- Tafahum : Seniman mampu memahami keadaan sekeliling dengan mengadaptasi ilmu ukhwah yang penuh hikmah.
- 3) Al- Islah : Dalam karya yang dilahirkan miliki sifat menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.
- 4) Al- Tatawwur al- ijabi : Genre sastera yang dihasilkan membawa teguran yang membina pada masyarakat.

¹² الدكتور نصر الدين إبراهيم أحمد حسين، الأدب الإسلامي: دراسة نظرية و تطبيقية، p167
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Mazhab Symbolisme (Perlambangan)

Munculnya mazhab ini sebagai mazhab yang kedua menentang fahaman yang di bawa oleh mazhab realisme. Ia bangkit pada permulaan abad ke-19 dengan menampilkan prinsip dan kaedah kritikan dan falsafah sastera yang mantap sehingga diiktiraf sebagai mazhab sastera yang dominan di kalangan mazhab sastera moden.

Disini disertakan beberapa faktor sebab kemunculan dan tersebarnya mazhab ini:¹³

- 1) Mazhab ini muncul apabila fahaman realisme telah melemahkan peranan sastera apabila ia menyekat perkembangan sastera baik dari segi teori atau praktikal. Ini kerana sastera telah digunakan untuk menjelaskan situasi semasa dengan menafikan kebebasan perasaan dan fikiran dalam menerjemahkan idea-idea sasterawan yang terkandung dalam minda mereka.
- 2) Oleh yang demikian mazhab realism didapati mengongkang dan membatasi kebijaksanaan dengan menjadikannya alat untuk menjelmakan situasi semasa dalam bentuk hasil seni. Mereka bukan menulis dengan hati tapi dengan tangan yang diikat. Sasterawan bukanlah seorang yang akur kepada situasi dan kehendak semasa dimasa yang sama dia juga bukanlah seorang yang perlu menyanggahi setiap apa yang berlaku. Sasterawan ialah orang yang mempunyai kebijaksanaan yang luar biasa yang tidak dimiliki oleh manusia biasa, dengan kebolehan itu ia mampu menghasilkan karya seni yang unik dan istimewa untuk santapan umum.
- 3) Kemunculan mazhab ini juga untuk mengenggang kebangkitan dasar demokrasi yang didokong oleh mazhab realisme, sebaliknya fahaman symbolisme didalangi oleh golongan bangsawan untuk mengendur pengaruh rakyat bawahan yang mendokong realisme yang akhirnya menjurus kepada demokrasi.
- 4) Mazhab symbolisme mempunyai kaitan yang amat rapat dengan romansi dari aspek isinya, kemudiannya ia banyak bergantung kepada mazhab yang muncul sebelum ini. Andainya kita melihat kepada faktor dalaman sebab timbulnya fahaman ini, kerana ia suka kepada sesuatu yang sukar untuk difahami, tidak suka kepada sesuatu yang jelas serta mudah ditafsirkan dan jemu kepada sesuatu yang jelas dan mendatar seperti yang di bawa oleh mazhab-mazhab lain. Pada hemat mereka sesuatu yang sukar difahami itulah yang paling tinggi nilai seninya.

Antara Intisari Penting Yang Dibawa Oleh Mazhab Ini Ialah:

- 1) Bidang seni dan sastera sewajibnya didatangkan dalam bentuk yang sukar difahami dan tidak jelas. Kerana sesuatu yang jelas akan melenyapkan keindahan sebaliknya membiarkan manusia terkapai-kapai mencari pengertia atau ia boleh ditafsirkan kepada beberapa tafsiran adalah lebih baik bagi bidang seni dan sastera. Keindahan bagi mereka adalah sesuatu yang sukar difahami mengikut fahaman biasa kerana matlamat mereka ialah untuk menimbulkan keraguan yang tidak berkesudahan.
- 2) Apa yang tercerna dalam kotak fikiran dan gelojak perasaan tidak mungkin dapat diterjemahkan dalam bentuk tulisan, kerana ia sesuatu yang sulit dan sukar untuk di taabir umpama sebutir mutiara dalam kulit kerang. Walaupun mazhab symbolisme banyak terpengaruh dengan mazhab romansi tetapi dalam satu aspek ia menghentam mazhab romansi yang selalu mendatangkan maksud dalam bentuk yang jelas dan senang difahmi. **Maka disinilah letaknya perbezaan diantara kedua mazhab ini.**

¹³ عبد الحميد بوزوبينة، المرجع السابق، pp40-50

- 3) Sasterawan symbolisme perlu mempunyai kekayaan bahasa yang luas, untuk membolehkan mereka memilih perkataan yang mendatangkan kesamaran kepada pembaca. Dalam hal ini al-Aqqad umpamanya menjelaskan bahawa dalam kesamaran itu ada keindahan seperti seorang yang membaca buku berulang kali pastinya akan mendapat idea-idea yang baru setiap kali ia membacanya.¹⁴
- 4) Tidak harus bagi sastera didatangkan dalam keadaan bahasa yang mudah untuk menyesuaikan dengan pemikiran manusia biasa. Ini kerana bahasa seni yang tinggi memerlukan usaha yang lebih untuk memahaminya meskipun ia agak sukar bagi sesetengah orang untuk memahaminya, sebab sepertimana yang dimaklumi sebarang kenyataan yang zahir akan membunuh nilai keindahan dalam proses pengkaryaan.¹⁵

Kesimpulannya, mazhab simbolisme ini merupakan satu usaha dari segolongan sasterawan untuk mengungkap perasaan yang tersirat dalam benak fikiran yang tidak terungkap dengan menimbulkan pelbagai tafsiran disebalik pemilihan perkataan.

Kritikan dari Pandangan Islam

Kelahiran mazhab Simbolisme ini ialah untuk menentang segala sifat, pendekatan dan bentuk mazhab-mazhab sastera yang muncul sebelum ini. Mazhab ini, berpendapat bahawa semua mazhab yang dihasilkan sebelum ini, tidak menepati kehendak sastera yang sebenar. Oleh itu, ia telah menampilkan satu pendekatan yang agak berlainan dari yang sebelumnya.

Pendokong mazhab ini, sering menghasilkan hasil karya yang sukar difahami. Pembaca boleh membuat pelbagai tafsiran terhadap apa yang tertera di atas teks, namun begitu ia tidak sampai kepada kesimpulan yang difahami. Persoalannya apakah pendokong mazhab ini menulis untuk dirinya atau untuk orang lain. Adakalanya mereka sendiri tidak faham apa yang mereka tulis dan ilhamkan. Bukankah ini satu perbuatan yang kurang bijak kerana manusia suka kepada sesuatu yang mudah bahkan Islam menghendakki agar dapat memudahkan segala perkara yang sulit. Sepertimana yang tertera dalam doa Nabi Musa a.s yang dirakam oleh Allah (S.W.T) dalam al-Quran:

ويسرلي أمري وأحلل عقدة من لساني يفقه قولي،: رب إشرح لي صدري

Maksudanya: Wahai Tuhan lapangkanlah dadaku, permudahkanlah urusanku, buanglah kekeluan dari lidahku agar manusia memahami apa yang aku maksudkan.

Seterusnya mazhab ini terpengaruh sedikit dengan mazhab romansi yang mana mereka berpendapat bahawa ungkapan tentang perasaan tidak bergantung kepada bahasa yang jelas tanpa simbolik akan yang akan membunuh keindahan makna.

Walau apapun tanggapan yang diberikan mengikut kaca mata Islam, sastera yang bermutu ialah yang mampu menyampaikan perasaan manusia kepada pembaca. Seterusnya kita dapat menilai tema dan pengajarannya secara terperinci bukan karya yang didatangkan dalam bentuk yang sembarangan dan tidak difahami oleh manusia. Bagi mazhab Islam, hasil seni yang dianggap berjaya ialah yang dapat dimenfaati kemuncak kecantikan di kalangan kebanyakan manusia.

¹⁴ Muhammad Abd al-Munaim Khafajah, 1983, *Fi al-naqd al-Arabi al-hadis wa mazahibahu*, Dar al-Maarif: Mesir, p252.

¹⁵ الدكتور ضياء الصديقي والدكتور عباس محبوب، *فصول في النقد الأدب وتاريخه دراسة وتطبيق*، دار الوفاء للطباعة والنشر والتوزيع المنورة: مصر، p70

Disini terserlah, sesungguhnya simbolisme telah merosakkan bahasa sastera lantaran ia beranggapan sesuatu itu perlu dihuraikan dengan perumpamaan yang jauh dan simbolik. Sastera seharusnya diilhamkan dalam bentuk yang indah dan mudah difahami. Mazhab simbolisme hakikatnya telah menyeleweng dari pandangan masyarakat yang betul lebih dari mazhab seni untuk seni kerana ia terlalu melampau dalam mendatangkan maksud.

Ringkasnya, tabiat manusia tidak suka kepada kesukaran dalam setiap keadaan. Oleh yang demikian, bidang sastera harus di implementasikan sepertimana, agama Islam yang didatangkan dengan jelas dan mudah bagi alam seluruhnya.

Mazhab Surealisme

Kemunculan mazhab ini sama sepertimana mazhab yang lain, yang mana ia lahir kesan dari tekanan semasa dan masaalah yang timbul dalam masyarakat disamping mendapat kesan dari falsafah yang baru muncul. Aliran ini merupakan pelaksanaan psikonalisis Freud. Ia berasal daripada aliran seni lukis dan sastera yang bersandar kepada aspek yang tidak rasional terhadap kewujudan manusia.

Mazhab ini lahir berdasarkan kepada beberapa faktor, antaranya:

- 1) Dalam abad yang ke-dua puluh telah lahir kebangkitan yang begitu mendadak dalam bidang keilmuan, kebangkitan ini juga begitu rancak dalam bidang seni dan sastera. Hasil dari kebangkitan ini telah lahir warisan sastera yang besar. Natiyahnya terdapat percanggahan yang ketara antara satu sama lain. **Umpamanya, romansi berlawanan dengan klasik, realisme menolak fahaman romansi dan klasik secara mutlak, naturalisme amat menekankan hubungan manusia dengan realiti semasa dengan melupakan persoalan-persoalan lain, kemudiannya lahir mazhab seni untuk seni yang terlalu merendahkan mazhab realisme.**¹⁶
- 2) Oleh yang demikian, terdapat segolongan sasterawan berpendapat mereka perlu mencari mazhab lain yang lain dari yang sebelumnya samada dalam bentuk sifat atau isinya untuk membebaskan diri dan pegangan mereka dari kongkongan sekeliling. Maka lahirlah mazhab surealisme yang bersifat bebas dan tidak terikat dengan keadaan sekeliling. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa mazhab ini telah mengambil satu tindakan yang begitu drastik dengan cuba membebaskan pendekatan yang dipegang oleh mazhab-mazhab lain sebelum ini.

Mazhab ini mendapat kesan yang amat ketara dari fahaman falsafah Hegal. Ini dapat dilihat dengan jelas yang mana, terdapat persamaan diantara falsafah yang diutarakan dengan fahaman kesusasteraan yang diutarakan.

Disamping falsafah Hegal, fahaman falsafah Freud juga memberi kesan yang besar kepada mazhab ini. Titik pertemuan mazhab ini dengan falsafah Freud adalah dalam konsep spiritual dalam diri manusia, yang mana keduanya menentang prinsip dan peranan nilai dalam kehidupan manusia.

Mazhab ini berpendapat, untuk melahirkan seni yang hebat manusia perlu memisahkan dirinya dari kekuatan akliah, fikiran dan akidah, dengan melayang ke dalam dunia khayalan yang dikuasai oleh nafsu dan kebebasan berkarya secara mutlak. Perkara seumpama ini juga terdapat

¹⁶ عبد الحميد بوزوبينة، المرجع السابق، p78

dalam proses pengkaryaan yang berlaku di zaman jahiliah, yang mana penyair yang hebat dipengaruhi oleh *syaitan al-syaiiri*. Penyair yang hebat dizaman Abbassiah, Abu Nawwas juga seolah-olah termasuk dalam golongan ini yang mana beliau apabila ingin melahirkan karya syair akan menenggelamkan dirinya dalam kemabukan kepada arak dan khayalan yang membebaskan dirinya dari sebarang ikatan tanggung-jawab akliah.

Mereka melahirkan idea diluar batasan khayalan yang benar kerana ingin membina satu dunia yang asing dari dunia yang sebenar bagi mencapai kebahagiaan. Ini kerana dunia yang realiti sering kali dipenuhi dengan masalah dan kepincangan justeru penciptaan dunia yang lain dalam khayalan sastera mereka adalah untuk menafikan hakikat kehidupan yang sebenar. Kehidupan dialam fantasi ini mestilah penuh dengan cita-cita murni, jauh dari segala kegagalan dan penuh dengan kemegahan bagi pencetusnya.

Untuk memahami dengan lebih jelas dapat disimpulkan mazhab ini berasaskan kepada beberapa noktah berikut:

- 1) Punca ilham bagi seseorang insan seni bermula dari alam khayalan. Ia merupakan titik pengkaryaan bagi seseorang. Manakala perasaan pula merupakan gambaran luaran yang sudah terpengaruh dengan faktor luaran.
- 2) Khayalan diluar kawalan merupakan satu medan yang wajib digunakan dalam proses pengkaryaan. Ia dapat membebaskan secara mutlak dari pengaruh psikologi manusia, pemikiran dan kesenian yang boleh membawa unsur-unsur yang tidak baik dalam kehidupan yang realiti.
- 3) Terdapat beberapa cara khayalan diluar kawalan ini antaranya mimpi, ia merupakan punca sastera yang penting dan kaya dalam kehidupan insan. Ia tidak harus disia-siakan dan harus dirakam dalam bentuk hasil seni.
- 4) Surealisme berpegang pada fikiran dengan menolak peranan akal yang akhirnya menyongsang dari kepentingan seni dan akhlak.
- 5) Ia bercanggahan dengan mazhab yang lepas kerana tidak mahu terlibat dengan kepincangan yang timbul dalam masyarakat. Oleh itu, ia menyarankan agar seni yang baru perlu bebas dari kepincangan ini justeru, ia tidak perlu kepada kaedah dan prinsip-prinsip tertentu. Bagi mewujudkan proses pengkaryaan yang mutlak serta bebas dari sebarang halangan dalam proses pengkaryaan.
- 6) Mazhab ini ingin menyarankan agar membebaskan diri dari hidup yang penuh kesedaran dan keperihatinan, seterusnya mewujudkan dunia yang menolak tanggung-jawab. **Sasterawan perlu mentaahir akalnya yang tersirat dalam bentuk batin tanpa kawalan, yang tidak dapat membezakan antara yang salah atau betul, mimpi atau jaga juga berakal atau gila.**
- 7) **Ia juga tidak mementingkan iltizam dalam membincangkan prinsip-prinsip dan keadah tertentu dalam proses pengkaryaan.** Ini kerana mereka beranggapan bahawa apabila beriltizam bermakna seseorang sasterawan perlu tunduk kepada situasi yang dicipta.
- 8) Sasterawan surealisme ini amat berpegang kepada fikiran dan khayalan tidak kepada kesedaran dan pengamatan. Ia mengira segala apa yang terlintas dikotak fikirannya itu sebagai hasil seni yang perlu dimanfaati, tanpa perlu disaring lagi dengan renungan apatah lagi dengan asas-asas pemikiran tertentu.¹⁷

¹⁷ Ibid, pp97-105.

Ringkasnya, ia merupakan mazhab seni yang tidak mempunyai asas seperti mazhab lain kerana kelahirannya di luar batasan khayalan yang normal. Sewajibnya sastera perlu mempunyai pendirian yang tegas dan kuat dalam menghadapi permasalahan manusia dan pemikiran mereka, bukan hanya dilontar dalam bentuk yang tidak berasas kerana ia akan melahirkan fikiran yang makin bercelaru dan berkecamuk, bukan kearah penyelesaian.

Al-Aqqad menghentam fahaman ini dengan menjelaskan bahawa mazhab ini tidak berpegang kepada kaedah dalam proses pengkaryaan yang jelas. Ia juga tidak mempunyai prinsip dan secara terang-terangan menolak segala kaedah seni. Oleh itu, ia tidak mungkin dapat dianggap salah satu dari keluarga seni. Sementara itu Dr. Atiq berpendapat bahawa mazhab ini seperti juga halnya dengan mazhab lain, ia hampir mati kerana sifatnya yang keterlaluan dan akhirnya ia hilang secara beransur-ansur dan akhirnya menjadi semakin realistik.

Kritikan dari Pandangan Islam

Pendirian utama yang membentuk mazhab ini ialah mendakwa sepenuhnya mazhab-mazhab sastera yang lain kerana ia beranggapan bahawa kesemua mazhab yang muncul sebelum ini mempunyai pendekatan yang salah sebagai mazhab kesusasteraan. Mazhab ini hakikatnya seperti seorang yang tidak waras dengan menuduh orang lain kesemuanya tidak waras tanpa sebarang prinsip atau kaedah yang jelas. Mazhab-mazhab yang muncul sebelum ini menerima dan menolak kelemahan dan kelebihan masing-masing dan orang lain dengan sikap yang terbuka. Ia bukan menuding jari kepada orang lain tanpa sebarang bukti dan sebab yang kukuh.

Seterusnya, mazhab ini menampilkan kaedah pemikiran yang silap dan sesat dengan berpegang kepada pendapat ahli saikologi yahudi Sigmund Freud dalam mentafsir saikologi manusia. Sheikh Mohamad Qutb menjelaskan bahawa kaedah psikologi yang dibawa oleh Freud boleh membawa kepada kesusasteraan dan kehancuran masyarakat. Penolakan terhadap kaedah yang dipelajari oleh Freud bukan hanya diajukan oleh Muhammad Qutb dan beberapa tokoh psikologi yang lain tetapi juga oleh murid-murid Freud yang terpengaruh dengan ujikaji ini pada awalnya. Akhirnya mereka mengakui apa yang dilakukan oleh Freud adalah bercanggah dengan hakikat kebenaran.

Sigmund Freud dalam analisa saikologi telah membangkitkan naluri kebinatangan dalam diri manusia. Ini sebenarnya, bertepatan dengan pendapatnya yang menegaskan bahawa manusia binatang yang berakal. Oleh itu, ia perlu memupuk naluri-naluri kebinatangan demi untuk mencapai hakikat kebinatangannya itu. Semuanya ini harus dilahirkan dalam bentuk hasil seni dan genre-genre *kesusasteraan*. Sebaliknya, Iqbal seorang penyair terkenal Islam menyanggah pendapat ini dengan mengisbatkan bahawa manusia adalah makhluk yang mulia. Kemuliannya itu bertitik tolak kepada proses kejadian dan penciptaannya iaitu dari Adam (a.s). Makhluk yang amat dimuliakan oleh Allah (s.w.t) sehingga diminta para malaikat di langit sujud.

Iqbal menyanggah kenyataan Freud melalui karyanya *Asrari Khudi* dan *Khudi* yang membicarakan tentang zat Allah. Bagi Iqbal Allah mempunyai zat tersendiri dan manusia mempunyai zat yang tersendiri. Keduanya tidak boleh bersatu kerana zat Allah amat agung. Namun, manusia mampu mempertingkatkan martabatnya dengan tuntutan dan hidayah tuhan tetapi ia masih lagi mampu duduk selari dengan zat tuhan. Iqbal menyetujui fahaman

Wahdatul-al-Suhud dan menolak fahaman wahdatul wujud oleh al-Hallaj yang menyatakan manusia boleh bersatu dengan zat Allah.¹⁸

Maksudanya, Iqbal mengangkat martabat manusia sebagai makhluk yang mulia bukan binatang yang berakal, sebagaimana difahami Freud dalam lingkungan anak Adam yang dimuliai Allah bukan setaraf dengan Allah dalam fahaman Wahdatul-wujud, yang mana manusia mampu sehati dengan Allah sekiranya martabatnya ditingkatkan.

Kaedah falsafah yang dipelopori oleh Freud menyamai naluri kebinatangan dalam diri manusia. Ini sudah semestinya bercanggah dengan hakikat kemanusiaan. Sepertimana dijelaskan dalam Al-Quran ;

ولقد كرّمنا بني آدم

Freud telah mendatangkan satu teori yang mana untuk melahirkan karya yang hebat seseorang itu perlu menenggelamkan diri dalam dunia yang lain dari dunia realiti yang wujud dalam diri manusia.¹⁹ Dunia ini bebas dari nilai kemasyarakatan dan akhlak Karya yang lahir dari dunia ini dianggap bermutu dan bernilai mengikut pandangan mazhab Suralisme. Dalam dunia ini pengkarya bebas mengilhamkan ideanya dan ia melampaui batas akhlak dan peraturan. Pengkarya bebas mengimpikan apa sahaja dan melakukan apa sahaja, kerana dunia ini dunia yang diluar kawalan atau separuh sedar.

Mazhab Suralisme mendakwa, perang dunia pertama telah memusnahkan semua nilai kemanusiaan termasuklah semua mazhab kesusasteraan. Oleh itu, mazhab ini berpendapat, bahawa mereka perlu menolak kesemua nilai yang wujud kerana alang-alang menyeluk pekasam biar sampai kepangkal lengan. Ini pada hakikatnya tindakan orang yang berputus asa. Kita tidak harus menolak kesemua nilai yang wujud kerana tidak berpuas hati dengan satu perkara. Kita seharusnya membaiki apa yang terdaya dengan memanfaatkan yang baik dan menjadikan sempadan unsur yang kurang baik.

Seperti mana yang dimaklumi, mazhab Suralisme mengimpikan sebuah dunia khayalan di luar batas kawalan untuk berkarya. Oleh yang demikian, ia telah menolak dunia yang realiti yang didiaminya. Padanya dunia ini penuh dengan kejahatan, kebinasaan dan ketidakadilan. Jesteru itu mazhab ini tidak mampu berperanan untuk merubah kehidupan manusia dan masyarakat kerana ia berkarya di dalam suasana dan tempat yang lain dari yang realiti. mazhab ini tidak mampu membawa mesej dakwah. Di samping menolak dunia yang realiti mazhab ini juga menolak kesemua bentuk keindahan sama ada bentuk luaran atau dalaman satu-satu karya. Ini kerana, ia adalah gambaran kejahatan dan kepasadan di dunia realiti.

Hakikatnya, sastera dalam memupuk arus perkembangannya memerlukan kepada perkembangan dan perubahan dalam struktur luaran dan dalaman. Oleh itu penafian terhadap bentuk dan nilai kesenian ini bererti penafian terhadap perkembangan seni dan sastera itu

¹⁸ Mohammad Iqbal, *Javid Nameh Kitab Keabadian*, PENERBIT PUSTAKA PANJIMAS: JAKARTA, pp33-37

¹⁹ Muhammad Iqbal, *PEMBANGUNAN KEMBALI ALAM PIKIRAN ISLAM-TERJ. OSMAN RALIBY*, PENERBIT N.V. BULAN BINTANG: JAKARTA, p19.

sendiri. Natiyahnya mazhab ini bukan menyumbang kepada perkembangan tetapi menghancurkan.

Kesimpulannya, mazhab ini menampilkan unsur melampau di luar kawalan manusia yang sedar dan berakal. Apabila diteliti ia seolah-olah telah wujud sejak zaman jahiliyyah lagi, yang mana terdapat sesetengah penyair jahiliyyah mengungkapkan syair yang penuh bersemangat dengan mendatangkan makna yang mendalam apabila menenggelamkan diri di dalam dunia khayalan di luar kawalan diri. Unsur ini terdapat dalam syair “Amru Ibn Kalsum”.

Mazhab Barns

Mazhab ini merupakan salah satu mazhab yang muncul dan menentang fahaman yang dibawa oleh mazhab romansi. Mazhab ini dinamakan Barns sempena dengan pengumpul syair-syair Perancis yang telah mengumpulkan ontologi puisi terkini yang memuatkan fikrah kumpulan ini. Barns merujuk kepada satu bukit yang wujud dalam negara Yunani yang mashur dalam dongengan mereka yang mana Tuhan syair mendiami bukit tersebut.²⁰ Meskipun banyak dari pendokong mazhab ini terdiri dari penyair-penyair romansi. Ia lahir hasil dari pengaruh pemikiran dan falsafah, antaranya:²¹

- 1) Falsafah Kent: Falsafah ini amat mempengaruhi mazhab ini dengan menekankan bentuk luaran yang jauh dari aspek isi dan intisari sastera.,
- 2) Sekolah formalis Rusia: Sekolah ini muncul untuk mengisbatkan unsur luar an dalam proses pengkaryaan. Bahkan institusi ini telah meletakkan asas yang baru dalam aspek pengkaryaan (structuralisme), ia menekankan bentuk luaran dalam hasil seni dan pemilihan perkataan dalam karya seni terutamanya puisi.
- 3) Kesan kritikan L. Satraus: Beliau telah memasukkan banyak pemikiran falsafah dan pandangan-pandangan ilmu kemasyarakatan dalam bidang kritikan. Faktor ini telah membantu melahirkan mazhab Barns.
- 4) Di samping itu mazhab ini juga banyak dipengaruhi oleh fahaman yang dibawa oleh mazhab-mazhab lain.

Antara fahaman dan idea-idea yang dibawa oleh mazhab ini ialah:²²

- 1) Setiap sasterawan perlu menekankan persoalan yang berkaitan dengan pemilihan perkataan, struktur dan bentuk ayat dan stylistik bahasa dalam proses pengkaryaan. Sasterawan perlu menolak soal pemikiran dan psikologi manusia serta ilmu kemasyarakatan yang tidak ada kaitan dengan bidang kesenian dan kesusasteraan.
- 2) Mazhab ini berpendapat bahawa sastera bukanlah kerja yang hina untuk digunakan bagi tujuan kemasyarakatan atau politik, tetapi sebaliknya seni hanyalah untuk seni. **Oleh yang demikian mazhab ini berkongsi dengan mazhab yang lain seperti mazhab seni untuk seni dan mazhab simbolisme.**
- 3) Persoalan penting dalam proses pengkaryaan bagi mazhab ini ialah, 1) Kemantapan dalam pembinaan struktur ayat luaran genre seni. 2) Stylistik bahasa (keindahan) yang digunakan dalam proses pengkaryaan.
- 4) Golongan ini menolak sekeras-kerasnya pergantungan sasterawan dengan perasaan dan pergolakan jiwa. Ini kerana, ia tidak menggambarkan nilai seni yang sebenar.

²⁰ Ahmad Qabash, TT, *Tarikh al-syair al-Arabi al-Hadith, (Terj.)*, Dar al-Jil: Beirut, Lubnan, p259.

²¹ عبد الحميد بوزويينة، المرجع السابق، p88-91

²² Ibid, pp100-107.

- 5) Di sini dapat disimpulkan ia bertentangan dengan fahaman romansi yang keterlaluan dalam menghubungkan di antara seni dan perasaan sasterawan. **Kelahirannya juga amat luar biasa di mana ia mengambil jalan tengah di antara romansi yang terlalu tunduk kepada nafsu dan perasaan dan simbolisme yang menekankan aspek luaran.**

Kritikan dari Pandangan Islam

Kesilapan yang paling ketara bagi mazhab ini ialah berpegang kepada ilmu falsafah secara mutlak. Seharusnya sastera menjadi satu tanggapan seni yang bebas, bukan falsafah tertentu yang menentukan bentuk dan sifatnya. Tidak salah satu-satu mazhab terpengaruh dari mana-mana ideologi dan falsafah tetapi biarlah pengaruh itu berlaku secara tidak mutlak. Bahkan dalam Islam pemanfaatan dari mana-mana sumber diharuskan andainya ia mendatangkan kebaikan.

Fahaman falsafah Kent amat dominan dalam mazhab Barns dan terbukti falsafah ini telah gagal dalam melaksanakan ideanya. Kegagalannya berpunca dari pendekatannya sendiri yang terlalu bergantung kepada teori dalam setiap ujikaji yang praktikal. Sekali imbas idea yang dibawa boleh diterima akal namun tidak semua perkara akan bertepatan dengan teori yang dikemukakan. Ini kerana adakalanya ia akan bersalahan andainya diuji dalam bentuk yang praktikal.

Manusia meskipun telah diberi kekuatan fikiran untuk berfikir dan merancang tetapi ia juga tidak mampu untuk mengetahui hakikat yang sebenarnya kerana ia di luar lingkungan kemampuan manusia. Oleh yang demikian datang falsafah-falsafah tertentu menampilkan beberapa teori dan penyelesaian namun ia tetap tidak mendatangkan sebarang keyakinan atau jawapan yang tepat dalam sesuatu mauduk. Jawapan kepada ini, Islam datang menjelaskan beberapa perkara tentang kehidupan manusia umpamanya soal takdir dan peraturan yang telah ditetapkan Allah (S.w.t).

Mazhab ini berpendapat, sasterawan perlu menekankan persoalan yang berkaitan dengan pemilihan perkataan, struktur dan bentuk ayat serta stylistik bahasa dalam proses pengkaryaan dan menolak soal pemikiran serta psikologi manusia kerana ia tidak melibatkan bidang kesenian. Apabila diamati ia seakan-akan ada persamaan mazhab seni untuk seni dan simbolisme. Penafian terhadap unsur pemikiran dan kemasyarakatan sebenarnya tiada kekurangan bagi sesebuah karya atau mazhab sastera. Ini kerana, sastera sepertimana yang dimaklumi bukan sekadar untuk santapan minda sebaliknya sebagai pencetus untuk merubah paradigma pemikiran masyarakat.

Mazhab ini juga menolak penglibatan seni dan sastera dalam bidang politik dan kemasyarakatan. Bagi mereka, seni bukanlah hamba kepada politik atau perkara di luar bidang seni. Pandangan ini juga tidak diterima dalam Islam kerana politik sebahagian dari kehidupan dan seni juga sebahagian daripadanya. Oleh itu, perkaitan di antara keduanya tidak dapat dinafikan.

Walaupun mazhab ini cuba menampilkan sesuatu yang istimewa jika dibandingkan dengan mazhab-mazhab sebelum ini, dengan mengambil jalan tengah di antara romansi yang terlalu tunduk kepada nafsu dan perasaan dan simbolisme yang menekankan aspek luaran. Namun, ia masih memperlihatkan kekurangan apabila cuba menafikan peranan sastera dalam

masyarakat. Sastera mazhab Barns tidak ubah dalam lingkungan sastera sahaja yang menekankan kecantikan luaran sesebuah genre kesusasteraan sahaja.

Mazhab Eksistensialisme

Mazhab ini merupakan satu mazhab yang baru muncul di kancah masyarakat. Ia timbul di barat dan mendapat sambutan yang baik di beberapa negara Eropah. Fahaman ini juga banyak mempengaruhi sasterawan dari negara Islam. Matlamat utama mazhab ini ialah untuk memperjuangkan hak kemanusiaan, dengan menyeru kepada kebebasan dan amat mementingkan kehormatan manusia. Ia menekankan pentingnya manusia membebaskan diri dari pengabdian baik secara jasad mahupun pemikiran.²³

Pendokong mazhab ini dilihat adakalanya bercanggah sesama mereka dalam mengemukakan idea tetapi mereka seia-sekata apabila membicarakan persoalan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Mereka percaya bahawa manusia mampu dan bertanggung-jawab untuk menentukan kehidupan yang dipilihnya sendiri. Oleh yang demikian, mazhab ini amat menekankan soal keputusan peribadi, kebebasan peribadi dan matlamat peribadi yang mana semuanya di dalam lingkungan sifat keakuan.

Karya yang dihasilkan oleh pendokong mazhab ini tertumpu kepada masalah manusia, mereka percaya bahawa manusia ini hanya bertanggung-jawab terhadap dirinya sendiri dan ia bebas melakukan apa sahaja apa yang diingini. Ia tidak mementingkan soal sosial, moral dan politik kerana ia bersifat individualistik dan tidak mementingkan masyarakat.

Mengikut mazhab ini manusia digambarkan sebagai makhluk yang terdampar dalam dunia yang penuh dengan penuh masalah, lalu manusia mengambil keputusan dari masalah ini tetapi keputusan ini tidak pernah sempurna kerana kedaifan manusia, lalu manusia terus memperjuangkan masalah yang dihadapi di atas muka bumi ini dengan memperjuangkan kebebasannya dan nilai karamiah yang dimilikinya.

Al-Aqqad walaupun sebelum ini banyak mengkritik mazhab yang muncul sebelum ini telah terpengaruh sedikit sebanyak dengan mazhab ini. Apabila dilihat dalam tulisan-tulisan yang beliau kemukakan banyak terdapat isi-isi yang menekankan tentang *karamah insaniah* dan pembebasan manusia.

Untuk memahami mazhab ini dengan lebih lanjut lagi, di sini dinyatakan beberapa sebab utama kenapa timbulnya mazhab ini.²⁴

1) Kesan dari peperangan dunia yang kedua:

Peperangan ini telah memberi kesan yang amat hebat kepada pemikiran manusia dan ini telah mempengaruhi bidang pengkaryaan dan hasil seni. Natijah dari keadaan ini maka lahirlah pendapat dan pandangan yang negatif, bahkan segala-galanya ditafsirkan dalam ruang lingkup negatif yang keterlaluan. Sebelum ini fahaman surealisme telah muncul hasil dari tekanan pemikiran dan perasaan dalam perang dunia pertama dan mazhab ini yang kedua, dan tentunya apa yang lahir buat kali kedua ini adalah lebih dahsyat dari yang

²³ . الدكتور عبد الحميد بوزويينة، المرجع السابق، p55-60
²⁴ الدكتور نصر الدين إبراهيم أحمد حسين، إشكالية الالتزام الإسلامي في ضوء القصة العربية الحديثة: دراسة نقدية تحليلية، الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا، p33-35

pertama. Ia bukan sahaja dahsyat tetapi juga membawa pendekatan yang bahaya dan meracuni pemikiran masyarakat lantaran segala-galanya ditafsirkan dalam ruang lingkup individualistik yang penuh keakuan.

2) Falsafah eksistensialisme:

Falsafah ini berkembang lantaran keadaan sosial yang kurang baik dan bergelojak. Maka, manusia sering berfikir dalam ruang lingkup sifat keakuan yang tinggi, falsafah ini amat menepati cita rasa mereka di kala itu. Seorang pendokong mazhab ini, Sartre berpendapat bahawa nilai diri bagi seseorang manusia terletak kepada nilai kebebasan yang dimilikinya secara mutlak dan ia tidak melibatkan masyarakat atau organisasi mahupun institusi yang disertai atau didiami. Dalam tulisannya, manusia digambarkan cukup individualistik di mana ia bebas untuk menganut mana-mana fahaman dan membuat apa sahaja yang ia sukai. Segala apa yang bersangkutan dengan akhlak, politik dan kemasyarakatan andainya menyekat kebebasan manusia maka ia tidak harus dititik-beratkan.

3) Keraguan terhadap mazhab sastera yang lepas.

Sebelum ini masyarakat telah menganut pelbagai mazhab dalam bidang kesusasteraan menyebabkan mereka menjadi ragu-ragu dengan mazhab yang telah wujud, natijahnya mereka ingin mencuba mazhab yang baru pula. Mazhab yang baru muncul ini telah menimbulkan keraguan yang agak mendalam dalam pemikiran sasterawan muslim.

Apabila dilihat dengan teliti didapati mazhab eksistensialisme ini amat dominan dalam negara-negara barat yang melaksanakan sistem kapitalis. Ini kerana fahaman mazhab ini serasi dengan sifat dan pembawakan pendokong kapitalis terutamanya sifat individualistik. Dominannya mazhab ini di negara kapitalis sepertimana dominannya mazhab realisme-sosialisme di negara blok komunis.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa mazhab ini terbahagi kepada beberapa noktah penting:

- 1) Apabila diteliti karya yang dihasilkan oleh pendokong mazhab ini, manusia seringkali digambarkan dalam bentuk yang hakiki di mana dia mempunyai kebebasan yang mutlak dan tidak dikongkong oleh orang lain.
- 2) Tujuan kebebasan ini dipamerkan, kerana ingin meninggikan peranan kebebasan di kaca mata manusia lain sehingga ia membatasi nilai akhlak dan akidah. Gambaran kebebasan yang diilhamkan oleh golongan ini adakalanya terlalu eksklusif di mana ia sering digambarkan sebagai dunia tanpa sempadan dan tanpa undang-undang yang menghalang kebebasan manusia.
- 3) Para sasterawan mazhab ini menafsirkan kewujudan manusia ini adalah yang paling penting dan bermakna justeru itu, manusia perlu bersikap mementingkan diri dalam memperjuangkan hidupnya untuk mengecapi kebahagiaan.
- 4) Daripada genre kesusasteraan yang dihasilkan oleh pendokong mazhab ini menjelaskan bahawa nilai akhlak dan agama tidak mempunyai erti kerana ia lahir dari pengaruh luaran bukan dalaman. Mereka berpendapat bahawa punca nilai yang sebenarnya ialah akal secara peribadi. Masyarakat tidak berhak menentukan kebebasan individu kerana ia akan menyekat kreativiti dan perkembangan akal manusia.

- 5) Oleh kerana terlalu mementingkan penggunaan akal dan mengenenpikan nilai akhlak, mazhab ini telah mendokong keruntuhan akhlak seperti hubungan seks bebas dan hubungan sejenis.

Ringkasnya dapat disimpulkan, mazhab ini amat menekankan nilai kebebasan dan pemikiran yang dimiliki manusia. Akibat dari kebebasan ini maka lahirlah natijah yang cukup bahaya dan dahsyat dalam kehidupan manusia.

Kritikan dari Pandangan Islam

Mazhab ini merupakan pandangan falsafah eksistensialisme semata-mata yang muncul selepas perang dunia kedua. Mazhab ini tidak mendatangkan kebaikan kepada manusia sebaliknya ia mendatangkan natijah yang lebih buruk kepada manusia. Ia lahir dari perasaan putus asa manusia terhadap dunia dan sikap manusia sendiri, justeru ia telah menyumbang kepada penyelewengan yang amat ketara dalam bidang akhlak, akidah dan tingkah laku manusia.

Seandainya kita melihat kepada idea-idea yang dibawa oleh golongan ini, ia lebih menekankan soal kewujudan insan itu melebihi hakikatnya. Ini satu fahaman yang melampau dan salah dari iktikad dan hakikat kewujudan itu sendiri.

Mazhab ini muncul dari perasaan putus asa terhadap dunia dan kehidupan manusia sepertimana lahirnya mazhab Surealisme. Kelahirannya adalah lebih dahsyat dari yang sebelumnya. Ia menampilkan pemikiran yang terlalu memuja kebebasan yang tidak batasnya. Apabila manusia bebas melakukan apa sahaja, sebenarnya ia menyekat orang lain dari mengecapi kebebasan. Fenomena sudah semestinya bercanggah dengan Islam, kerana Islam memberi kebebasan kepada manusia tetapi ia tidak boleh melampaui batasan syariat dan akidah.

Fahaman kebebasan yang disemai mazhab dan falsafah eksistensialisme ini merupakan titik tolak keruntuhan akhlak dan akal budi umat barat. Oleh kerana terlalu mementingkan kebebasan dan hak individu dalam ertikata hak-asasi manusia, maka didapati nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan semakin terhakis. Keruntuhan akhlak yang melibatkan hubungan sejenis dan seks rambang dianggap sebagai hak peribadi individu. Bahkan seorang anak boleh mendakwa ibu bapanya di mahkamah kerana mempertahankan hak kebebasan dan karamiah kebebasan. Fenomena ini andainya berleluasa akan meruntuhkan nilai akhlak dan moral yang wujud selama ini.

Mazhab eksistensialisme ini amat dominan di barat sepertimana dominannya mazhab realisme-sosialisme di blok komunis. Ia dominan di barat kerana melalui mazhab ini hak asasi dan demokrasi dapat dikekalkan. Oleh itu ia tetap menjadi alat kepada politik atau falsafah tertentu dalam mengekalkan pengaruhnya. Inilah antara faktor kesilapan yang terdapat dalam mazhab ini yang menjadi hamba kepada manusia demi kepentingan politik. Ia lanjutan daripada mazhab realisme dari satu aspek segi dan adri aspek yang lain ia menampilkan sifat yang lebih melampau dari Surealisme.

Dalam karya-karya mazhab existensialisme, segalanya berkisar dalam lingkungan sifat keakuan yang tinggi. Pendokong mazhab ini sering menafsirkan kewujudan manusia ini adalah yang paling penting. Oleh yang demikian manusia perlu mementingkan diri dalam memperjuangkan kebahagiaannya. Fahaman ini amat bercanggah dengan Islam kerana Islam memperjuangkan fikrah kemasyarakatan dan jemaah bukan kebahagiaan secara individu.

Bahkan kebahagiaan yang sebenarnya ialah kebahagiaan secara kolektif yang mana wujudnya sifat bantu-membantu dan toleransi yang tinggi di kalangan anggota masyarakat, bukan kebahagiaan dalam bentuk individu kerana manusia apabila mementingkan diri ia akan merana.²⁵

Islam dalam ajarannya atau falsafah seninya, menekankan soal jemaah dengan begitu serius sekali. Terlalu banyak ibadah dalam Islam yang tidak boleh dilakukan kecuali melibatkan jemaah dan masyarakat. Bahkan dalam doa yang dibaca seharian, faktor jemaah tidak pernah dipinggirkan. Jelasnya usaha pemisahan di antara individu dari anggota masyarakat dengan memperjuangkan kebebasan merupakan satu usaha yang jahat kerana ia akan melenyapkan kerukunan hidup manusia.

Kedudukan Sastera Islam: Satu Pandangan dan Kesimpulan

Setelah meneliti isi dan intisari mazhab-mazhab sastera moden, di sini dapat disimpulkan titik perbezaan antara mazhab sastera Islam dan mazhab-mazhab sastera moden. Saya rasa tidak perlu bagi saya untuk mengupas kaedah dan konsep sastera Islam secara menyeluruh kerana ia sudah sedia dimaklumi.²⁶ Dalam proses penghasilan sastera Islam, ia meletakkan amal dan daya kreatif sebagai amanah untuk melahirkan genre sastera Islam. Didalamnya terkandung bahasa yang indah, teknik yang berkesan dan makna yang mendalam tentang hakikat insan, ilmu dan amal. Indah diertikan sebagai karya yang dihasilkan berdasarkan teknik yang khusus kemudian menggunakan aspek bahasa dan teknik yang sesuai. Bermakna pula bererti membawa pengertian yang benar dan mendalam tentang manusia, meneliti aspek tanggungjawab dan hakikat keinsanan, setiap isi dan keterampilannya membawa pandangan hidup tauhid yang luhur dan bersih, dalamnya tersirat elemen keilmuan, dasar hikmah yang tinggi berteraskan nilai ilmu dan akhirnya ia mestilah dihasilkan oleh penulis yang komited dan iltizam dengan kefahaman Islam dengan keperibadian yang mantap dan kerohanian yang suci.

Oleh itu, sastera Islam merupakan manifestasi dari renungan bukan ego, pemikiran bukan emosi dan penghayatan bukannya perasaan melulu dan meluap. Ia adalah gambaran dan (tasawwur) ilmu dan al-Quran melalui isi yang dipersembahkan. Didalamnya terkandung makna al-adab dalam erti yang hakiki yang mana kemudiannya dijelmakan dalam bentuk yang indah berkesan, bukan retorik yang kosong dan mengada-ada.

Al-Quran adalah satu contoh yang tepat tentang persoalan ini. Didalamnya terkandung makna yang murni, bersih dari syirik, bersih dari kepalsuan dari sifat mengada-ada dan kaya dengan sifat terpuji dan ikhlas. Disamping itu, ia mempamerkan susunan bahasa yang padat dan idea yang mendalam serta benar dengan menonjolkan nilai 'ijaz yang tinggi.

Mazhab sastera Islam adalah 'adab' dalam ertinya yang hakiki, kemudian dijelmakan dalam style yang indah berkesan, bukan dalam retorik yang kosong. Konsep ini begitu bertentangan sekali dengan apa yang dipercayai oleh Barat, Matthew Arnold seorang penyair dan pengkritik sastera Inggeris yang terkenal menegaskan puisi lebih penting dari agama dan

²⁵ الدكتور نصر الدين إبراهيم أحمد حسين، الأدب الإسلامي الإطار والمنهج، الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا، p118

²⁶ Adli Yaacob, *Sastera Islam: Konsep dan kefahaman*, kertas kerja ini dibentang oleh penulis di sudut penulis di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 26-9-1998.

falsafah. Mengikuti barat perkembangan pemikiran dan kesenian Barat terbahagi kepada tiga marhalah:²⁷

- 1) Ideational: Ia bercorak agama, mengutamakan simbolisme dan pemisahan diantara sains dan agama.
- 2) Idealistik: Kekuasaan agama yang dicabar oleh sains dan aqal. Ia melahirkan seni yang bersifat separuh agama.
- 3) Sensate: Ia membentuk kemenangan di antara empiricism dan sains, ia menolak agama dan mengutamakan naturalisme.

Tahap yang ke tiga inilah yang dominan dalam kebudayaan barat dan ditiru dengan gigih oleh para seniman Melayu dan sasterawan dari dunia Islam kerana falsafah ini amat dominan dalam arus pemikiran dan sastera dewasa ini. Fahaman ini disebarkan melalui mazhab-mazhab yang telah dinyatakan sebelum ini. Kesimpulannya, fahaman ini melihat sesuatu berdasarkan keperluan sementara demi untuk mendapat keseronokan peribadi atau kepentingan puak tertentu. Segalanya diukur atas ukuran material semata-mata. Ringkasnya mazhab sastera Islam meletakkan *God as the measure of values* manakala sastera moden meletakkan *man as the measure of values*.

Bibliografi

- Ahmad Qabash, TT, **Tarikh al-syair al-Arabi al-Hadith, (Terj.)**, Dar al Jil: Beirut, Lubnan.
- Affandi Hassan, 1992, Pendidikan **Estetika dari pendekatan tawhid**, Dewan. Bahasa dan Pustaka: Kuala-Lumpur.
- Adli Yaacob, Sastera **Islam: Konsep dan kefahaman**, kertas kerja ini dibentang oleh penulis di sudut penulis di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 26-9-1998.
- H.B. Jasin, 1972, **Polemik**, Pustaka Antara: Kuala-Lumpur.
- Muhammad Abd al-Munaim Khafajah, 1983, **Fi al-naqd al-Arabi al-hadis wamazahibahu (Terj.)**, Dar al-Maarif: Mesir.
- Mohammad Iqbal, **Javid Nameh Kitab Keabadian**, PENERBIT PUSTAKA PANJIMAS: JAKARTA.
- Muhammad Iqbal, **PEMBANGUNAN KEMBALI ALAM PIKIRAN ISLAM-TERJ. OSMAN RALIBY**, PENERBIT N.V. BULAN BINTANG: JAKARTA.

Rujukan Asing:

- الدكتور عبد الرحمن رأفت الباشا، نحو مذهب إسلامي في الأدب والنقد، دار الأدب الإسلامي: الأردن.
- الدكتور محمد مندور، في الأدب والنقد، تحفة مصر للطباعة والنشر والتوزيع: مصر.
- الدكتور نصر الدين إبراهيم أحمد حسين، الأدب الإسلامي: دراسة نظرية وتطبيقية الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا.
- الدكتور ضياء الصديقي والدكتور عباس محبوب، فصول في النقد الأدب وتاريخه دراسة وتطبيق، دار الوفاء للطباعة والنشر والتوزيع المنورة: مصر.
- الدكتور نصر الدين إبراهيم أحمد حسين، إشكالية الالتزام الإسلامي في ضوء القصة العربية الحديثة: نقدية تحليلية، الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا دراسة
- الدكتور نصر الدين إبراهيم أحمد حسين، الأدب الإسلامي الإطار والمنهج، الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا.
- عبد الحميد بوزويينة، نظرية الأدب في ضوء الإسلام (الأدب والمذاهب الأدبية)، دار البشير: الأردن
- محمد محمد الباكر الرازي، في النقد الأدبي الحديث، مكتبة الرسالة الحديثة: الأردن.

²⁷ Affandi Hassan, 1992, *Pendidikan Estetika dari pendekatan Tawhid*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala-Lumpur, p27.